



Tahun 2. No. 5

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

15 APRIL, 1957.

17 Das Meriam Di-timbakkan kerana menyambut:

X KEDZAHIRAN PUTERI DI-RAJA YANG KE-8

KABAWAH DULI YANG MAHA MULIA MAULANA SULTAN, Sir Omar Ali Saifuddin; ahli2 dari Kerabat Di-Raja Brunei; dan orang ramai telah beroleh su-kachita pada hari Ithnin 8 April, 1957 kerana Kabawah Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, Pengiran Anak Damit telah mendzahirkan sa-orang Puteri yang chomel pada pukul 3.00 pagi hari tersebut di-Istana Darul-Hana, Brunei.

Sebagai menyambut Kedzahiran Puteri Di-Raja itu, namanya PENG-IRAN ANAK PUTERI AMMAL RAKI'AH, iaitu anakanda yang ke-delapan kapa-da Duli2 Yang Maha Mulia Sultan dan Raja Isteri, maka 17 das meriam telah di-timbakkan dari kawasan Istana Darul-Hana pada pagi h a r i tersebut.

Dengan kedzahiran Puteri Di-Raja yang baharu itu, maka DYMM Sultan dan Raja Isteri sekarang sudah mempunyai 4 orang putera2 dan 4 orang puteri2 saperti berikut:-

Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Hassanel Bulkiah (PUTERA MAH-KOTA), Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bulkiah, Yang Ter-amat Mulia Pengiran Anak Puteri Masnah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nur'Ain, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda S u f r i Bulkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Jafri Bulkiah, Yang Ter-amat Mulia Pengiran Anak Puteri Ammal Umi Kalthom Al-Islam, dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Ammal Raki'ah.

Istiadat Membuka JAGA-JAGA t e l a h di-adakan di-Istana Da-rul-Hana mulai pada hari Thalatha 9 April dengan mengadakan Istiadat permula'an di-Lapau, Pekan Brunei pada petang hari itu juga, di-mana telah di-hadziri oleh ahli2 Kerabat Di-Raja, Pehin2 dan lain2-nya.

Tujuh belas das meriam telah di-timbakkan di-kawasan berhampi-ran dengan Lapau pada masa dilangsungkan Istiadat Membuka Jaga2 itu.

X LAWATAN SULTAN DAN RESIDENT KA-MASJID

Duli Yang Maha Mulia Sultan, dengan di-iringi oleh Yang Ber-hormat Mr. J.O. Gilbert, British Resident, Brunei; Pemangku Pesuroh Jaya Perkembangan Negeri, Mr. R.H. Morris; dan oleh Juru Iring Ka-pada Baginda telah melawat ka-Masjid Pekan Brunei pada a w a l bulan April ini.

Ini-lah kali yang kedua bagi Duli Yang Maha Mulia melawat ka-Masjid itu dalam masa dua minggu, dan dalam lawatan Baginda kaMasjid Pekan Brunei, Baginda berasa bangga serta gumbira menyaksikan ke-ma-juan2 yang telah di-perolehi samentak Baginda berangkat kaMasjid itu pada 19 March yang lalu.

Sayugia di-sebutkan bahawa lawatan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Berhormat British Resident serta beberapa orang Pegawai2

Keraja'an ka-Masjid ...

Keraja'an ka-Masjid Pekan Brunei itu telah di-filmkan oleh ahli2 Malayan Film Unit yang telah tiba di-Brunei dari Kuala Lumpur, Malaya kerana mengambil film yang berwarna berkenaan dengan Perkembangan Negeri Brunei.

SULTAN MERA'IKAN AHLI2 MALAYAN FILM UNIT

Duli Yang Maha Mulia Sultan, telah mengadakan satu majlis yang khas di Istana Darul-Hana, pada malam hari Thalatha 9 April, 1957 kerana mera'ikan 4 orang ahli2 dari Malayan Film Unit.

Selain daripada ahli2 M.F.U. itu, iaitu Inche Othman bin Haji Shamsudin (Pengarah); Mr. J.J. Xavier (Penolong Pengarah); Mr. Goh Meng Kwee (Tukang Gambar) dan Inche Sunni bin Hamid (Electrician); beberapa orang ahli2 jemputan khas di-antara-nya ialah Pegawai Penerangan Negeri, P.M. Yusuf A.R.

Kesemua ahli2 dari Malayan Film Unit itu telah berangkat ka-Seria dan Kuala Belait pada hari Rabu 10 April kerana menjalankan kewajipan2 mereka di-sana pula.

Inche Othman dan Mr. Meng Kwee telah berangkat ka-Seria dengan kapal terbang memilamkan pemandangan2 dari udara; manakala Mr. Xavier dan Inche Sunni telah berangkat ka-sana melalui jalan darat.

Persidangan Majlis Mashuarat Negeri:

18 ORANG AHLI2 MENGANGKAT SUMPAH

Delapan belas orang ahli2, mengandungi 4 orang Pegawai2 Jawatan Tetap, 5 orang Ahli2 Rasmi, dan 9 orang Ahli2 Yang Tidak Rasmi telah mengangkat sumpah dalam satu istiadat yang ringkas ketika di-langsungkan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri pada penghujung minggu yang lalu.

Majlis Mashuarat Negeri yang dahulu telah di-mansuhkan pada 21 February tahun ini, dan ini-lah kali yang pertama di-adakan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri samanjak tarikh itu, menurut sebagaimana Perisytiharan Duli Yang Maha Mulia berkenaan dengan perkara chara meluaskan Majlis Mashuarat Negeri.

Persidangan itu telah mengambil masa hampir2 4 jam, mulai dari pukul 9.30 pagi hari Khamis 11 April, di-dahului dengan ba'ha'an do'a selamat oleh Kathi Besar Negeri, Pengiran Haji Mohamed Salleh, sesudah itu, telah di-langsungkan upacara mengangkat sumpah dan titah oleh Duli Yang Maha Mulia, dalam mana Baginda telah menguchapkan terima kasih kepada kesemua Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri atas perkhidmatan2 mereka terhadap Majlis Mashuarat Negeri ini.

Baginda berharap samoga ahli2 tersebut akan menunaikan kewajipan masing2, sambil memberi nasihat kepada Baginda dalam lapangan Pemerintahan Negeri ini.

Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri sekarang ada-lah saperti berikut:-
Pegawai2 Jawatan Tetap - Yang Berhormat Tuan British Resident; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha; dan Yang Berhormat Pegawai Penyimpan Khazanah Negeri
Ahli2 Rasmi - Yang Berhormat Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar, Yang Berhormat P.M. Yusuf A.R., Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin Daud, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed Salleh bin Pengiran Anak Haji Mohamed, dan Yang Berhormat Mr. D.B. MacGilligan.
Ahli2 Yang Tidak Rasmi - Yang Berhormat Mr. R.E. Hales dan Yang Berhormat Mr. George Newn Ah Foott (kedua2 beliau2 ini di-lantek samula), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Mohamed Taha, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Haji Mohamed Noor, Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Md. Daud, Yang Berhormat Enche Marsal bin Ma'un, Yang Berhormat Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba (Pegawai Daerah Tutong), Yg. Berhormat

Pengiran Haji

Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Pemancha Mohammed Salleh (Pegawai Daerah Temburong), dan Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar Ali (Pegawai Daerah Belait).

=====

× LANTEKAN KATHI2

Pengiran Haji Mohamed Salleh bin Pengiran Anak Haji Mohamed telah dilantek sebagai Kathi Besar bagi Negeri Brunei; manakala Abang Razali bin Abang Haji Zainuddin, Kathi bagi Daerah Belait; Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba, Kathi bagi Daerah Tutong; dan Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Pemancha Mohammed Salleh, Kathi bagi Daerah Temburong, demikian menurut satu Perishtiwaran Kerajaan.

Untuk pengetahuan orang ramai, lantekan2 Pengiran Ahmad dan Pengiran Haji Abu Bakar sebagai Kathi bagi Daerah2 Tutong dan Temburong, ada-lah tambahan kepada perkhidmatan mereka sebagai Pegawai2 Daerah di-tempat mereka.

=====

× SEMBAHYANG HARI RAYA

Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, akan menhadziri di-upachara Sembahyang Hari Raya Aidil Fitri yang akan di-langsungkan di-Padang Pekan Brunei pada pagi Hari Raya yang pertama.

Berhubung dengan Sembahyang Hari Raya Aidil Fitri, pehak yang berkenaan telah pun membantok sabuah Jawatan Kuasa mengandungi 12 orang, iaitu 7 orang Jawatan Kuasa Padang dan 5 orang Jawatan Kuasa Pentas, untuk mengagator persediaan2 menurut sebagaimana yang telah di-jalankan pada tahun yang lalu.

Untuk pengetahuan kaum Muslimin, pehak yang berkenaan belum-lah lagi menetapkan siapa-kah yang akan membacha Khotbah di-Sembahyang Hari Raya pada tahun ini. Pada tahun yang lalu, Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan sendiri telah membacha Khotbah.

Ⓢ Khotbah akan di-bacha pada pukul 7.00 pagi. Sekira-nya padang itu basah di-sebabkan hujan, maka Sembahyang Hari Raya pada tahun ini terpaksa di-langsungkan di-Masjid.

× . PELAWAT2 KA-ISTANA PADA MASA HARI RAYA

Menurut satu puncha dari Istana Darul-Hana, barang siapa dari segala bangsa, lelaki dan perempuan yang sudi hendak melawat ka-Istana Darul-Hana kerana mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan dan kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, ada-lah di-nasihatkan supaya mereka melawat ka-Istana pada Hari Raya yang kedua dan seterusnya.

Pada tahun 1956, seramai lebih kurang 6,000 orang telah melawat ka-Istana Darul-Hana.

× SAMBUTAN HARI RAYA DI-BRUNEI SPORTS CLUB

Brunei Sports Club akan menyambut Hari Raya Aidil Fitri dengan mengadakan satu temasha untuk kanak2 mulai dari pukul 4.00 petang hingga pukul 7.30 malam; dan selepas itu akan di-langsungkan temasha untuk orang2 dewasa hingga tengah malam.

=====

Pengembara'an Di-Gua Niah:

KEJAYA'AN ANAK BRUNEI

Awangku Sharifuddin bin Pengiran Metali, sa-orang bekas Penuntut Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei yang telah dipilih untuk berkhidmat dengan Sekolah Gambar (Sarawak Museum) di-Kuching pada bulan January tahun ini

January tahun ini ada-lah antara beberapa orang pengembara2 yang telah ber-
hasil menyiasat hal ehwal zaman perbakala di-Gua Niah, di-Negeri Sarawak.

Rombongan itu, di-ketuai oleh Mr. Tom Harrisons, Curator, Sarawak
Museum telah mendapat beberapa banyak rangka2 dan tulang2 manusia, serta
berbagai2 barang zaman dahulu kala.

AHLI2 JAWATAN KUASA TANAH

Duli Yang Maha Mulia Sultan, dalam Majlis Mashuarat Negeri telah den-
gan sukachita melantek orang2 di-bawah ini menjadi ahli2 Jawatan Kuasa Tanah
bagi Negeri Brunei:-

Yang Berhormat Tuan British Resident, sebagai Pengurusi; Yang Teramat
Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha; Yang Berhormat Pehin Dato' Perdana
Menteri Haji Ibrahim bin Mohd. Jahfar; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shah-
bandar Haji Ahmad bin Daud; dan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Laila se-
bagai Setia Usaha.

LAWATAN PENGARAH U.S.I.S. KA-BRUNEI

Pengarah Perkhidmatan Penerangan Amerika Sharikat (U.S.I.S.) di-Sing-
apura, Mr. James Elliot dan Mem Elliot akan melawat ka-negeri Brunei pada 2
May akan datang.

Ini-lah kali yang kedua Mr. Elliot melawat ka-Negeri ini. Pada kali
yang pertama beliau telah melawat ka-Brunei dalam bulan November yang lalu
semasa membuat lawatan ka-kawasan2 Borneo British.

Tujuan lawatan Pengarah U.S.I.S. itu ka-kawasan2 Borneo British ialah
kerana hendak membiasakan diri-nya di-kawasan2 yang berada di-bawah per-
tadbiran-nya.

79 ORANG JEMA'AH2 HAJI DARI BRUNEI BERANGKAT KA-MEKAH

Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin bersama2
dengan lebih kurang sariibu orang Islam, lelaki dan perempuan, telah ber-
angkat ka-Jambatan Customs, di-Bandar Brunei pada pagi hari Ahad 14 April
kerana mengucapkan Selamat Belayar kepada 79 orang jema'ah2 Haji dari Bru-
nei yang telah belayar ka-Singapura dengan kapal "Perak", dan dari Singapura
mereka akan belayar ka-Jeddah dengan kapal "Anshun" pada akhir bulan ini
bagi menunaikan fardzu Haji.

Baginda telah berangkat ka-jambatan Customs itu, dengan di-iringi oleh
Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Mulia Pengiran
Omarali, dan oleh Juru Iring Kapada Baginda Inche' Abbas. Ketika tiba di-
tempat tersebut, Baginda telah di-sambut oleh Yang Berhormat P.M. Yusuf A.R.
dan oleh lain2 orang.

Baginda telah mengucapkan Selamat Belayar kepada Jema'ah2 Haji ter-
sebut, dan berdo'a kepada Tuhan supaya mereka itu berangkat ka-Tanah Suchi
dan balek ka-Negeri ini dengan selamat sejahtera. Kemudian Pehin Tuan Imam
membacha do'a selamat, dan pada masa kapal "Perak" itu mulai bergerak dari
jambatan pada pukul 11.00, Mudim Haji Adnan telah Bang menerusi pembesar
suara.

Jika di-bandingkan dengan orang2 yang telah berangkat ka-Tanah Suchi
pada tahun2 1955 dan 1956, orang2 yang berangkat ka-Tanah Suchi pada tahun
ini ada-lah lebih banyak lagi daripada tahun2 yang lalu, kerana pada tahun
ini seramai 172 orang akan menunaikan fardzu Haji; manakala pada tahun 1956
seramai 152 orang, dan hanya 33 orang sahaja yang telah pergi ka-Mekah dari
seluruh Negeri ini pada dua tahun yang lalu.

DARJAH KESELAMATAN NYAWA

Sabuah Darjah "Keselamatan Nyawa" di-bawah anjoran Persekutuan Palang Merah British, Bahagian Bandar Brunei akan di-adakan tidak berapa lama lagi.

Darjah itu ada-lah terbuka kepada sesiapa pun dengan tidak di-kenakan apa2 bayaran, dan akan di-adakan di-Rumah Persekutuan Palang Merah British, di-Bandar Brunei selepas Hari Raya Aidil Fitri.

Tujuan mengadakan Darjah Keselamatan Nyawa itu ia-lah supaya dapat-lah penduduk2 di-Negeri ini mempelajari bagaimana chara2 menyelamatkan orang2 yang lemas, atau orang2 yang sedang lemas di-ayer.

Berhubung dengan perkara tersebut, Pegawai Penerangan Negeri telah mengeluarkan surat2 perkelilingan kepada Ketua2 Kampong di-Daerah Brunei, dalam mana beliau menyatakan bahawa "Sabener-nya ke-matian dan segala2nya ada-lah semata2 dengan kehendak Allah. Dalam hal hidup kita sehari2, kita di-suruh berusaha dan berikhtiar bagi keselamatan dan kesentosa'an".

Selanjut-nya beliau menegaskan bahawa oleh kerana memikirkan betapa mustahak-nya menjaga keselamatan nyawa terutama di-Kampong Ayer, di-mana kerap kali di-dapati orang mati lemas, sungguh pun orang2 di-Negeri ini di-puji tentang pandai bernang, pandai bernang sahaja tidak-lah menjamin sa-sa-orang itu terselamat dari lemas.

"Bagi memberi pertolongan kepada orang2 yang terkena kemalangan saperti itu", kata Pegawai Penerangan Negeri lagi "Ada-lah berkehendakkan orang2 yang sungguh2 baik hati dan mengetahui rahasia memberi pertolongan yang di-kehendaki".

Perlu di-sebutkan bahawa bagi menjayakan usaha yang berfaedah itu, Mr. Youngman, sa-orang Anggota dari Sharikat William Jacks telah bermurah hati akan mengajar dengan bersukarela, menunjukkan chara2 yang paling baharu untuk menyelamatkan dan memulehkan penafasan.

Sharahan2 dan latehan yang akan di-berikan itu akan mengambil masa lebih kurang selama dua minggu. Tarikh permula'an pelajaran akan di-tetapkan kemudian hari kelak.

Barang siapa di-Negeri Brunei yang sudi hendak belajar di-Darjah Keselamatan Nyawa itu, sila-lah menghantar Nama dan Alamat-nya kepada Pegawai Penerangan Negeri, di-Pejabat Penerangan, Bandar Brunei salambat2-nya pada 10 haribulan May, 1957.

Kesemua Ketua2 Kampong di-Daerah Brunei ada-lah di-minta bekerja sama dengan menerangkan kepada orang2 di-Kampong2 mereka, terutama sekali di-kalangan para pemuda di-kampong2, mengenai usaha yang akan di-jalankan ini, kerana menyelamatkan nyawa ada-lah perbuatan yang mulia bukan sahaja di-sisi pandangan Ugama, bahkan juga di-kagumi oleh seluruh dunia; serta juga perkhidmatan kita dengan perasa'an yang suci dan tulus ikhlas itu ada-lah bagi faedah keselamatan jiwa orang ramai.

=====

PEGAWAI PERUBATAN BERCHUTI

Dr. S. Tilliot, sa-orang Pegawai Perubatan di-Rumah Sakit Kerajaan di-Kuala Belait telah berangkat ka-United Kingdom pada 1 haribulan April yang lalu kerana menyampurnakan chuti panjang-nya selama enam bulan.

PEMANDANGAN AKHBAR2 DI-BORNEO

Berturut2 dalam siaran2 Pelita Brunei pada 1 March, 15 March dan 1 April yang lalu, kita telah menyiarkan hal ehwal mengenai Perishtiwaran Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei mengenai perkara Meluaskan Chara Majlis Mashuarat Negeri dan juga pemandangan2 oleh Surat2 Khabar yang diterbitkan di-Negeri Brunei dan Sarawak.

Pada keluaran ini kita siarkan lagi chatitan dari Lidah2 Pengarang Akhbar2 "Berita Brunei", "Utusan Sarawak", dan "Sarawak Tribune".

Akhbar Berita Brunei, di-terbitkan di-Kuala Belait pada tiap-tiap hari Khamis, dalam Lidah Pengarang-nya bertarikh pada 28 March, 1957, di-antara-nya menegaskan bahawa kapada ra'ayar jelata Negeri Brunei keseluruh-nya, sudah saharus-nya Perishtiwaran Duli Yang Maha Mulia itu akan membawa satu pengertian yang sunggoh2 besar erti-nya, terlebih daripada apa yang di-ramal atau di-dugakan mereka.

"Kita tentulah mengetahui dan mengingati bahawa sabelum perishtiwaran itu dan sahingga ka-dewasa kini, hanya orang2 bangsawan dan Pegawai2 Tertinggi Keraja'an sahaja-lah yang di-beri kehormatan dan kemulia'an menjadi para anggota Majlis Mashuarat Negeri", kata Akhbar itu. "Tetapi kini hak2 istimewa, kehormatan dan kemulia'an menduduki Majlis Mashuarat Negeri ini diberikan pula oleh Duli Yang Maha Mulia kapada Wakil2 sejati ra'ayat, dan walau pun, kalau di-tilek dari segi keada'an di-Negeri lain-nya yang sudah serba maju di-lapangan politik, benar jua-lah bahawa ranchangan Baginda itu tidaklah besar erti-nya, tetapi buat Negeri Brunei ini, yang belum lagi pernah mengalami, merasa dan menikmati pemerentahan sachara perwakilan, dan mengingatkan pula bahawa ranchangan Duli Yang Maha Mulia itu hanya merupakan langkah2 permula'an atau langkah2 pertama sahaja, yang akan dimaju dan disempurnakan dari samasa ka-samasa, yang akan di-sesuaikan-nya kelak menurut kehendak waktu dan keada'an di-masa akan datang, saperti mana di-maksudkan oleh Baginda dalam perishtiwaran-nya itu, maka kita ingin menyatakan bahawa: "Langkah2 yang di-ambil dan yang akan di-ambil oleh Baginda itu, adalah langkah2 yang amat bijaksana - yang sunggoh2 padan buat Negeri Brunei ini".

Akhbar Utusan Sarawak, di-terbitkan di-Kuching, pada tiap-tiap hari Rabu dan Sabtu, ketika mengulas berkenaan dengan Perishtiwaran Duli Yang Maha Mulia Sultan mengenai perkara Meluaskan Chara Majlis Mashuarat Negeri, berkata bahawa chadangan hendak melebarkan Majlis Undangan Brunei telah di-tentangkan oleh Party Ra'ayat Brunei dengan beberapa alasan.

Akhbar itu menyatakan bahawa Party Ra'ayat tidak akan mengadakan chalon2 untok pilihan2 Daerah baru yang di-chadangkan itu dengan alasan2nya bahawa perkara itu akan menjatuhkan kehormatan untok mengambil bahagian dalam pilehan2 yang tidak mengandongi semua lunas2 demokrasi. Lagi dikatakan bahawa perkara itu akan merendahkan nama baiknya sebagai sebuah party siasah.

Berhubung dengan hal tersebut, Akhbar Utusan Sarawak mendapati bahawa, "Perkembangan siasah dalam Brunei pada masa ini, boleh diketahui. Disana (dimaksudkan di-Brunei) maseh banyak terdapat kekurangan2. Party Ra'ayat itu ialah sebuah party siasah yang belum lama ditubuhkan. Meskipun party itu dikatakan oleh mereka yang bersangkutan dengannya ada-lah party yang besar dan berpengaruh, tetapi belum-lah dapat dibuktikan sekarang. Bagi menolakkan chadangan itu, maka Party Ra'ayat itu adalah membayangkan maksudnya supaya pilehan2 seluruh negeri diedakan dan satu Perlembaga'an baru dibentukkan. Chara2 bagaimana hendak menchapaikan chita2 itu akan menjadi so'al yang penting".

Akhbar Harian bahasa Inggeris "The Sarawak Tribune", yang di-terbitkan di-Kuching, pada masa memberi pemandangan-nya terhadap tentangan Party Ra'ayat Brunei mengenai Perishtiwaran Duli Yang

Akhbar itu mendapati bahawa tidaklah akan menjadi kesalahan, saki-ranya langkah yang diambil oleh Kerajaan akan memberi kebajikan yang baik terhadap Negeri ini dan kepada ra'ayat jelata sa-umom-nya.

Terhadap Pegawai2 Party itu pula, kata Akhbar Sarawak Tribune, sesiapa pun tidaklah boleh menafikan bahawa Pegawai2 itu adalah bijak belaka kerana melihat kepada hasil yang telah dibuktikan oleh mereka-itu. Tetapi, dapatlah kebanyakan daripada ahli2 Party itu menunjukkan kelayakan mereka sebagaimana yang dijalankan oleh Pegawai2 mereka seperti dalam hal ehwal pertadbiran Kerajaan sendiri atau pun Kerajaan tempatan.

"Party Ra'ayat sendiri telah mengaku ketika membuat pengumuman dalam bulan October tahun yang lalu, bahawa salah satu dari sebab2 mengapa Undang2 Keraja'an tidak mendapat sambutan ialah kerana Party Ra'ayat telah membangkang akan Undang2 itu, tetapi Party itu telah tidak berjaya mengemukakan chadangan2 yang menasabah", kata Sarawak Tribune.

Akhbar itu saterusnya menyatakan bahawa ia adalah menyokong gerak-
langkah party2 siasah, sekiranya party2 itu akan dapat memberi bantuan
yang baik bagi menjalankan pemerintahan negeri oleh pihak Kerajaan.

Tetapi, melihat kepada gerak-langkah yang telah dijalankan oleh Party Ra'ayat sakan lama, Akhbar Sarawak Tribune mendapati bahawa Party itu tidaklah dapat menjalankan tugas2 yang samesti-nya.

.....

JAWAPAN SO'ALAN2 PELITA BRUNEI KELUARAN TAHUN 2: NO. 4 DIMUKA 7.

1. Penasehat Pelajaran kepada Setia Usaha Jajahan Ta'alok British yang telah melawat ka Negeri Brunei sadikit hari dahulu ialah SIR CHRISTOPHER COX.
2. DATO' ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, MENTERI PELAJARAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU telah tiba di-Brunei pada tahun 1956 sebagai tetamu kepada Duli Yang Maha Mulia sultan pada masa dilangsungkan upacara sambutan Hari Jadi Baginda.
3. Gunong yang tinggi sekali dikawasan Borneo British ialah GUNONG KINABALU. Tingginya Gunong Kinabalu itu ialah 13,455 kaki.
4. KENT COLLEGE ialah nama Maktab Perguruan Perempuan Melayu di-Borneo Utara. Letaknya Maktab itu ialah di-TUARAN, tidak jauh dari bandar Jesselton.
5. Kerajaan Brunei telah menghantarkan Guru2 dari Brunei untuk ber-latih di Persekutuan Tanah Melayu samentak beberapa tahun yang lalu, iaitu ka SULTAN ILIRIS TRAINING COLLEGE, di-TANJONG MALIM, PERAK; dan ka MAKTAB PERGURUAN PEREMPUAN MELAYU, di DURIAN DAUN, MELAKA.
6. SANDAKAN ialah Ibu Kota Borneo Utara pada masa sebelum berlaku Peperangan Asia Raya.

SO'ALAN2 YANG BAHARU

1. Berapakah jumlah Sekolah2 Melayu diseluruh Negeri Brunei ? Sebutkan bilangan Sekolah2 Melayu di-tiap-tiap bahagian.
2. Berapa-kah banyak

2. Berapa-kah banyak penuntut2 Sekolah Melayu lelaki dan perempuan pada masa ini ?
3. Tahu-kah para pembacha, berapa buah-kah Sekolah2 Inggeris dan China yang ada sekarang di-seluruh Negeri Brunei ?
4. Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei mempunyai sebuah Istana di-antara Tutong dan Seria. Di-mana-kah letak-nya Istana itu dan sebutkan namanya.
5. Siapa-kah bekas British Resident Brunei yang pada masa ini sedang memegang jawatan sebagai Setia Usaha Kewangan, Negeri Sarawak ?
6. Yang mana benar ? sesudah tamat Peperangan Asia Raya Tentera2 Pehak Bersekutu yang tiba di-Negeri ini telah mulai mendarat pada 10 June, 1945 di: (a) Kuala Belait (b) Seria (c) Muara (d) Tutong (e) Pekan Brunei (f) Kota Batu.

(Jawapan2 tersebut akan di-siarkan dalam Pelita Brunei akan datang)

=====

PERADUAN LUKISAN POSTER HARI KESEHATAN SA-DUNIA DI-BRUNEI

Inche' Basuni bin Ja'afar, sa-orang pelukis yang terkenal, yang pada masa ini sedang berkhidmat sebagai Jururawat di-Rumah Sakit Kerajaan, di-Bandar Brunei telah berjaya mendapat hadiah yang pertama dalam Peraduan Lukisan Poster, Bahagian Orang2 Dewasa, yang telah di-adakan di-Dewan Pejabat Penerangan, di-Bandar Brunei baharu2 ini, di-bawah anjoran Pertubuhan Kesehatan Sa-Dunia.

Peraduan demikian di-adakan pada tiap2 tahun dengan bertujuan menggalakkan orang ramai mempunyai badan yang sehat.

Hadiah2 yang kedua dan yang ketiga telah di-menangi oleh A.B. Salleh, berumur 20 tahun, sa-orang penuntut di-Pusat Latehan Guru2 Melayu Brunei.

Peraduan terbuka kepada murid2 sekolah di-seluruh Brunei telah di-menangi oleh Lim Mok Long, berumur 18 tahun, sa-orang penuntut dari Sekolah China, Chung Ching, Seria; di-ikuti oleh Awangku Ismail bin Pengiran Salleh dari Government English School, Seria; dan Awangku Ibrahim bin Pengiran Bakar, dari Government English School, Seria.

Inche' Basuni, yang menang peraduan terbuka kepada orang2 dewasa, menunjukkan sa-orang yang mempunyai badan yang sehat, dan sa-orang lagi yang kurus serta tidak sehat, dalam masa ia menegaskan bahawa "Makanan yang baik itu mendatangkan kesehatan. Untuk makan yang betul, makan-lah serba sedikit setiap hari makanan yang menjaga kesehatan, makanan yang menjadi darah daging, dan makanan yang memberi kekuatan".

Lim Mok Long, yang menang peraduan terbuka kepada murid2 sekolah, telah melukiskan dua orang yang mempunyai badan yang sehat sedang bermain bola sepak; dan di-samping itu ia melukiskan gambar buah2an, sayur2an, serta sajenis ikan. Chogan kata-nya yang di-tulis dengan huruf China, bermaksud bahawa "Sekiranya sa-sa-orang hendak mempunyai badan yang sehat, hendaklah ia makan pada tiap2 hari sayur, buah, ikan dan daging". Hadiah berjumlah sebanyak \$120.00 mengandungi: Hadiah Pertama \$30.00; Hadiah kedua \$20.00; dan Hadiah Ketiga \$10.00 bagi tiap2 bahagian akan di-sampaikan kepada pelukis2 tersebut.

=====

PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN BERTUKAR KA-BELAIT

Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Penolong Pegawai Penerangan, di-Bandar Brunei telah bertukar ka-Kuala Belait mulai awal bulan ini. Sebelum beliau berpisah, anggota2 di-Pejabat Penerangan telah mengadakan satu Majlis Kera'ian kepada Pengiran Puteh dan Isteri-nya bertempat di Snowman Restaurant.